

14/10/2000

Rais bimbang perdebatan bakal cetus banyak masalah

KUALA KLAUANG, Jumaat - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim bimbang perdebatan mengenai hak keistimewaan orang Melayu membabitkan pemimpin Pemuda Umno dan Pas boleh mencetuskan banyak masalah walaupun matlamatnya untuk meleraikan kekeliruan.

Beliau yang meragui manfaat perdebatan itu, tidak menolak kemungkinan cara perdebatan itu akan disempitkan sehingga melampaui batasan keluhuran undang-undang.

"Semua mesti tahu perkara berkenaan tidak pernah dibincangkan secara terbuka. Pada pandangan peribadi saya, apabila perdebatan isu sebegini penting diadakan secara terbuka, masalah lain pula timbul.

"Antaranya, kemungkinan perdebatan ini seperti memberi ruang dan mengundang pihak lain untuk menonjol serta mahu membincangkan hak mereka pula.

"Saya tidak nampak keuntungannya dari segi tempoh terdekat ini hasil daripada perdebatan itu.

"Kita tidak mahu kesan undang-undang hak asasi berbangkit hasil daripada semua pihak ghairah mendebatkan isu yang termaktub dalam Perlembagaan, khususnya Perkara 153 yang membabitkan hak raja Melayu, hakim dan hak keistimewaan Melayu," katanya.

Ahli Parlimen Jelebu itu menyatakan demikian selepas merasmikan wad bersalin baru berharga RM70,000 di kompleks Klinik Kesihatan Simpang Durian, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai persetujuan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar untuk berdebat mengenai hak keistimewaan Melayu yang tempatnya belum ditetapkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perdebatan itu perlu diadakan bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai hak berkenaan supaya mereka tidak keliru.

Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang, pula berkata pihaknya bersetuju debat itu diadakan tetapi mesti dalam suasana penuh persaudaraan.

Bagaimanapun, beberapa pemimpin Umno dan Pas sebelum ini meminta debat itu dibatalkan dengan alasan ia tidak membawa faedah.

Dr Rais berkata, jika Pas dan Umno membincangkan isu berkenaan secara terbuka, rakyat bukan Melayu tentu mahu menimbulkan hak mereka seperti yang dilindungi dalam Perkara 153(1) Perlembagaan.

Bagaimanapun, katanya kedua-dua pihak supaya menghormati dan jangan melampaui batasan undang-undang berikutan persetujuan mengadakan perdebatan itu.

Katanya, oleh kerana mereka mewakili parti politik dan membincangkan isu penting secara terbuka, mereka perlu memahami tanggungjawab dan lunas undang-undang yang boleh mencabuli perkara berkaitan hasutan.

"Pada pendapat saya, kedua-dua pihak perlu berdebat secara ilmiah dan gentlemen ke arah perpaduan, bukan perpecahan.

"Kita mesti tahu batasan apabila berbincang mengenai kedudukan Raja Melayu, hakim dan hak orang Melayu yang ditetapkan dalam Perlembagaan. Oleh itu, kita wajar berhati-hati. Apa yang dibimbangkan ialah debat itu dikhuatiri melampaui batasan," katanya.

(END)